

21/09/2000

PSM, MSN harus bentuk semula skuad Gemilang 2001

Hussain Said

PERSATUAN Sepak Takraw Malaysia (PSM) dan Majlis Sukan Negara (MSN) harus merombak semula skuad Gemilang 2001 sekiranya tidak mahu kekecewaan lalu berterusan di halaman sendiri tahun depan.

Tindakan itu adalah keputusan terbaik yang harus dilakukan oleh kedua-dua badan induk itu selepas skuad bimbingan Mahat Adnan dan Zainudin Kamarudin itu dirumuskan gagal mencapai tahap selaku `skuad impian' dalam empat sirkit Grand Prix (GP) Kebangsaan musim ini.

Malah, rata-rata pengurus dan jurulatih negeri serta pemerhati sepak takraw jelas kurang berkeyakinan terhadap kemampuan skuad yang sudah menjalani latihan hampir dua tahun itu.

Setiausaha Pertandingan PSM, Mahathir Mohamad mengakui hakikat itu dan tidak menafikan tindakan drastik perlu dilakukan sekiranya tidak mahu kita terus kempunan lebih-lebih lagi di gelanggang sendiri.

"Daripada empat sirkit yang sudah dijalankan, kami harus akui skuad negara masih belum mencapai tahap yang dikehendaki serta masih lemah terutama di posisi tekong dan perejam.

"Malah, keputusan yang dicapai termasuk Terbuka Melaka yang berakhir baru-baru ini apabila diheret beraksi dalam tie break di peringkat awal serta terpaksa berhempas pulas dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di final harus menerbitkan persoalan mengenai kemampuan sebenar mereka.

"Selaku skuad kebangsaan, mereka sepatutnya mudah memenangi saingan. Tetapi, sebaliknya berlaku dan sesuatu yang mengejutkan apabila mereka terpaksa berhempas pulas.

"Apatah lagi, mereka sudah menjalani latihan sepenuh masa serta disokong dengan kajian dan bantuan daripada pelbagai aspek termasuk dari Institut Sukan Negara (ISN)," katanya semalam.

Dalam empat sirkit, skuad Gemilang 2001 memenangi tiga kejuaraan iaitu Terbuka Johor (sirkuit pertama), Perlis (sirkuit ketiga) dan Melaka (sirkuit keempat). Sirkuit kedua Terbuka Terengganu dimenangi Selangor.

Namun, mengaibkan, dua pemain skuad Gemilang 2001 turut terbabit dalam penggunaan bahan larangan.

Terdahulu, skuad Gemilang 2001 mensasarkan sekurang-kurangnya untuk meraih sebutir emas dalam temasya Sukan Sea selepas gagal dalam tiga temasya sebelum ini bermula di Chiang Mai '95, Jakarta '97 dan Brunei '99.

Lebih memburukkan rekod, skuad negara buat pertama kali melakar sejarah hitam apabila kecundang kepada Myanmar 1-2 dalam acara berpasukan di peringkat kumpulan di Brunei '99.

Menurut Mahathir, pihaknya hanya memberi pandangan yang ikhlas berdasarkan pemerhatian sepanjang empat sirkit dan terpulang kepada PSM serta MSN untuk mengkaji semula prestasi skuad Gemilang 2001 itu.

"Kami tidak mempunyai kuasa tetapi itu adalah hakikat yang perlu diakui oleh semua. Namun, kita masih mempunyai masa untuk berbuat sesuatu untuk mengatasi sebarang kelemahan," tambahnya.

(END)